

Nurul Izzah fail saman terhadap ketua polis, Ismail Sabri
Malaysian Insider
Nov 26, 2015

Ahli Parlimen Lembah Pantai Nurul Izzah Anwar hari ini menfailkan saman terhadap Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob atas dakwaan menuduhnya sebagai penderhaka kepada negara.

Nurul Izzah yang juga naib presiden PKR memfailkan saman itu di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, di Kuala Lumpur melalui Tetuan Daim & Gamany dan menamakan Khalid dan Ismail sebagai defendan pertama dan kedua.

Dalam pernyataan tuntutananya, Nurul Izzah mendakwa pada 22 November lepas, Khalid mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah dalam satu sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis, Bukit Aman.

Beliau berkata perkataan fitnah itu dikeluarkan selepas beberapa hari gambar yang memaparkannya (Nurul Izzah) bersama Jacel Kiram, anak perempuan kepada Jamalulail Kiram yang dikatakan mengarahkan atau mengetuai serangan dan pencerobohan ke atas Sabah, pada 2013.

Nurul Izzah mendakwa dalam makna asal atau biasa perkataan-perkataan fitnah itu bermaksud beliau adalah seorang penderhaka kepada negara dan dalang di sebalik serangan dan pencerobohan Sulu ke atas Sabah.

Nurul Izzah juga mendakwa pada hari sama, Ismail juga mengeluarkan perkataan-perkataan fitnah dalam sidang media di satu majlis di Bera, Pahang yang dalam makna asal atau biasa bermaksud beliau adalah seorang penderhaka kepada negara dan mengisytiharkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Katanya kenyataan defendan pertama dan kedua itu diterbitkan dan disiarkan di media elektronik dan cetak.

Beliau mendakwa disebabkan perkataan fitnah itu, beliau mengalami kecederaan teruk terhadap reputasi sebagai seorang ahli Parlimen dan pemimpin politik.

Oleh itu, beliau menuntut ganti rugi am, teruk, faedah, kos dan lain-lain relif yang difikirkan wajar oleh mahkamah. – Bernama, 26 November, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nurul-izzah-fail-saman-terhadap-p-ketua-polis-ismail-sabri>